

PAS pertikai peranan MyEG dalam kutipan GST
Malaysian Insider
8 Apr, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik

PAS hari ini mempertikaikan peranan konsortium MyEG dalam kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dikhuatiri kesemua hasil kutipan tersebut tidak disalurkan kepada kerajaan.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar berkata kerajaan persekutuan perlu menjelaskan peratusan yang akan diperoleh MyEG selepas konsortium itu menyediakan perisian untuk kutipan GST.

“Kerajaan perlu dedahkan perjanjian yang dimeterai dengan konsortium MyEG kerana kerajaan melantik mereka bagi menyediakan perisian bagi pungutan GST.

“Jika dahulu syarikat yang menyediakan perisian AES akan mendapat jumlah tertentu, maka berapa kutipan GST yang akan diperoleh MyEG nanti?” katanya dalam satu sidang media di lobi Parlimen hari ini.

Semalam, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang GST selepas mendapat persetujuan 118 ahli parlimen dalam undi belah bahagi yang diadakan. Mahfuz berkata MyEG bukanlah agensi yang wajar terlibat dalam kutipan GST dan dengan senario itu membuktikan kerajaan masih belum bersedia untuk melaksanakan cukai berkenaan pada April 2015.

“Ini menunjukkan kerajaan tidak bersedia melaksanakan GST kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pernah membeli perisian dan tidak melantik pihak lain.

“Kenapa MyEG? Sedangkan apa yang dikutip ialah cukai. Mengapa perlu melantik pihak lain dan hasil cukai GST itu dibahagi dengan pihak lain. Sepatutnya ia disalur kepada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata tidak mustahil pada suatu masa nanti kerajaan akan menarik semula pelaksanaan GST setelah kerajaan dilihat kurang membuat persediaan.

“Saya melihat ia bukan satu perkara mustahil kerana Pengajaran dan Pembelajaran (PPSMI) yang tidak dibuat kajian begitu teliti akhirnya kerugian RM6 bilion kerana tak beri kebikan kepada pelajar.

“Dalam GST nampaknya ada pihak lain yang akan mengaut keuntungan iaitu MyEG. Mengapa kastam sendiri tidak membangunkan atau mendapatkan perisian dari pihak lain kemudian melantik pegawai mereka bagi memastikan kutipan masuk dalam akaun kerajaan,” katanya. – 8 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-pertikai-peranan-myeg-dalam-kutipan-gst>